

UNDANG-UNDANG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDNAG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
(No. Pendaftaran : 394/86 - Wilayah Persekutuan)

1. NAMA KELAB

1.1 Kelab ini dinamakan Kelab Sukan dan Kebajikan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri

2. ALAMAT TEMPAT URUSAN BERDAFTAR

2.1 Alamat tempat urusan berdaftar ialah di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, Aras 3, Blok B7, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

2.2 Alamat ini tidak ditukar melainkan dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu dari Pendaftaran Pertubuhan.

3. TUJUAN

3.1 Kelab ini ditubuhkan bagi tujuan-tujuan berikut :-

3.1.1 Memberi kemudahan bersukan dan kegiatan kebudayaan dan kebajikan kepada semua ahli.

3.1.2 Mengeratkan persahabatan dan perhubungan di antara ahli-ahli dari pelbagai Jabatan di Bahagian ini.

3.1.3 Membolehkan kelab ini bergabung dengan badan-badan sukan yang lain.

4. KEAHLIAN

4.1 Jenis Keahlian

4.1.1 Keahlian Kelab adalah seperti berikut :-

i) Ahli Biasa

Keahlian biasa Kelab terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan jabatan-Jabatan di bawahnya di sekitar Wilayah Persekutuan.

4.1.2 Ahli Seumur Hidup

i) Jawatankuasa Tadbir boleh mempelawa seseorang ahli biasa yang boleh memberikan kemanfaatan kepada Kelab sebagai Ahli Seumur Hidup dengan bayaran RM10.00 sekali gus.

4.1.3 Ahli Bersekutu

- i) Seseorang yang pernah menjadi Ahli Biasa/ Ahli Seumur Hidup yang telah bertukar/bersara boleh dengan persetujuan menjadi ahli kelab bersekutu. Ahli Bersekutu tidak boleh memegang apa-apa jawatan dalam kelab dan tidak boleh mengundi.

4.1.4 Ahli Gabungan

- i) Ahli Gabungan adalah terbuka kepada semua badan sukan di pelbagai Jabatan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di luar dari Wilayah Persekutuan

4.2 Peraturan Menjadi Ahli

4.2.1 Semua Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dengan Bahagian Hal Ehwal Undnag-Undang dan Jabatan-Jabatan di bawahnya di sekitar Wilayah Persekutuan boleh menjadi ahli kelab dengan menggunakan borang-borang permohonan yang ditentukan oleh Kelab.

4.2.2 Semua badan sukan di Jabatan-Jabatan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di luar Wilayah Persekutuan yang ingin menjadi Kelab Gabungan boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Pengerusi Kelab.

4.2.3 Tiap-tiap permohonan menjadi ahli biasa atau gabungan hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Tadbir

4.3 Bayaran Keahlian dan Yuran Bulanan

4.3.1 Bayaran Pendaftaran menjadi ahli dikenakan sekali sahaja bagi setiap ahli baru adalah sebanyak RM1.00 (Ringgit Malaysia : Satu Sahaja).

4.3.2 Selain dari itu, semua ahli biasa dikenakan yuran bulanan berdasarkan kepada kadar seperti berikut:-

- i) Kumpulan Pengurusan dan Profesional
 - Gred 41 ke atas
 - RM5.00 (Ringgit Malaysia : Lima sahaja)
- ii) Kumpulan Sokongan 1 (Diploma & Setaraf dan SPM & Setaraf)
 - Gred 17-38
 - RM2.00 (Ringgit Malaysia : Dua Sahaja)
- iii) Kumpulan Sokongan II (PMR & Setaraf)
 - Gred 1-14
 - RM1.00 (Ringgir Malaysia : Satu Sahaja)

4.3.3 Yuran bulanan bagi Ahli Bersekutu adalah seperti peraturan di para 4.3.2.

4.3.4 Ahli Gabungan dikecualikan dari membayar bayaran masuk menjadi ahli atau yuran bulanan tetapi dikenakan bayaran tahunan sebanyak RM25.00. Ahli Gabungan berhak melantik wakilnya untuk menikmati hak keahlian biasa tetapi tidak berkuasa mengundi atau memegang jawatan dalam kelab ini.

4.3.5 Bayaran masuk dan yuran bulanan bagi ahli biasa dibuat melalui potongan gaji, dengan syarat kebenaran diperoleh dari ahli yang berkenaan serta Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang.

4.4 Pemecatan Keahlian

4.4.1 Keahlian seseorang ahli boleh dilucutkan oleh Jawatankuasa Tadbir jika ahli berkenaan melanggar mana-mana peruntukan perlembagaan atau peraturan kelab.

4.4.2 Seseorang ahli yang telah dipecat boleh diterima semula menjadi ahli dengan persetujuan Jawatankuasa Tadbir setelah rayuan bertulis dikemukakan kepada Jawatankuasa Tadbir.

5. PENTADBIRAN KELAB

5.1 Pentadbiran Am

5.1.1 Pentadbiran Kelab hendaklah diuruskan oleh satu Jawatankuasa Tadbir.

5.1.1.1 Keanggotaan

i) Keanggotaan Jawatankuasa Tadbir Kelab adalah seperti berikut :-

- a) Seorang Pengerusi
- b) Seorang Timbalan Pengerusi
- c) Dua Orang Naib Pengerusi
- d) Seorang Setiausaha
- e) Seorang Penolong Setiausaha
- f) Seorang Bendahari
- g) 5 Orang Ahli jawatankuasa Tadbir Biasa

ii) Semua Pemegang jawatan dalam kelab dan tiap-tiap orang yang menjalankan tugas pemerintah hendaklah warganegara Malaysia. Ahli Jawatankuasa Tadbir kecuali Pengerusi dan Penolong Setiausaha hendaklah dicadangkan, disokong dan dipilih dengan cara mengundi 2 (dua) tahun sekali oleh ahli-ahli melalui Mesyuarat Agung Tahunan Kelab.

iii) Pengerusi adalah dilantik mengikut para 9.2.1. Penolong Setiausaha boleh dilantik dari kalangan lima

(5) Ahli Jawatankuasa Tadbir Biasa yang dipilih oleh Setiausaha.

- iv) Jawatankuasa Tadbir boleh melantik tidak lebih dari 6 (enam) orang Ahli Jawatankuasa Biasa lagi yang difikirkan patut.
- v) Jika seseorang Ahli Jawatankuasa Tadbir meninggal dunia atau meletakkan Jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli kelab biasa yang lain untuk memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

5.1.1.2 Tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir Jawatankuasa Tadbir adalah bertanggungjawab untuk menguruskan dan mentadbirkan perjalanan kelab. Jawatankuasa ini juga boleh menubuhkan jawatankuasa jika difikirkan perlu dan member kewajipan-kewajipan khas kepadanya.

a) Pengerusi

Pengerusi hendaklah :-

- i) Jika hadir mempengerusikan semua mesyuarat;
- ii) Menandatangani segala butir-butir mesyuarat yang berkaitan dengan kelab;
- iii) Menjadi wakil Kelab ini bila berurusan dengan pihak luar:-
- iv) Merangka perjalanan dan kegiatan Kelab;
- v) Dan mempunyai kuasa pemutus dalam mesyuarat.

b) Timbalan Pengerusi

- i) Semasa ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah mengambil alih tugas-tugas pegawai.

c) Naib Pengerusi

- i) Dua orang Naib Pengerusi bertanggungjawab membantu Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dalam merangka perjalanan dan kegiatan kelab.

d) Setiausaha

Setiausaha hendaklah :-

- i) Menyimpan daftar ahli dan mengemaskinikannya;
- ii) Menyedia dan mengedarkan minit mesyuarat serta menyimpan minit-minit dengan baik dan selamat
- iii) Menyedia dan membentangkan Penyata Tahunan mengenai kegiatan persatuan ke Mesyuarat Tadbir sebelum di bawa ke Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa;
- iv) Bertanggungjawab untuk memanggil semua mesyuarat
- v) Dan membantu Pengerusi dalam membuat keputusan berhubung dengan perjalanan kelab.

e) Penolong Setiausaha

- i) Membantu Setiausaha kelab di dalam menjalankan tugas-tugas pentadbiran Kelab.

f) Bendahari

Bendahari hendaklah :-

- i) Memungut yuran kelab dan mengeluarkan resit rasmi bagi semua wang yang diterima;
- ii) Menyimpan satu kira-kira kewangan dan menyimpan wang diterima ke dalam bank atas nama Kelab, walaubagaimanapun Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit kelab sebanyak RM15.00 (Ringgit Malaysia : Satu ratus Limas Puluh Sahaja) dalam tangan pada sesuatu masa bagi kegunaan kelab;
- iii) Menyedia dan membentangkan Penyata Kewangan Tahunan untuk disahkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir sebelum dan seterusnya dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Blasa;
- iv) Menyimpan semua resit dan Penyata pembelian barang terhadap semua penggunaan wang kelab yang dilakukan dan resit-resit serta penyata pembelian barang tersebut hendaklah disahkan olehnya dan Pengerusi dan Setiausaha.

5.2 Pentadbiran Kewangan

5.2.1 Tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir

5.2.1.1 Punca Kewangan Kelab ini adalah dari punca-punca seperti berikut :-

- a) Bayaran pendaftaran menjadi ahli;
- b) Yuran bulanan menjadi ahli;
- c) Derma yang sah dari segi undang-undang dari mana-mana pihak sama ada persendirian ataupun badan tertentu dengan kebenaran pihak-pihak berkuasa berkenaan.

5.2.1.2 Semua yang diterima dari punca-punca seperti 5.2.1.1 diatas hendaklah disimpan di dalam bank di atas nama kelab selewat-lewatnya tujuh hari selepas wang tersebut diterima. Semua wang kelab hendaklah digunakan untuk melanjutkan objektif kelab tetapi tidak boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di Mahkamah.

5.2.1.3 Tahun Kewangan kelab ini bermula dari 1 Januari dan berakhir 31 Disember tahun yang sama.

5.2.1.4 Pengeluaran wang hendaklah di buat dan ditandatangani oleh Pengerusi atau Setiausaha dan Bendahari.

5.2.1.5 Semua Perbelanjaan tidak melebihi RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja) boleh diluluskan oleh Pengerusi Kelab. Bagi perbelanjaan yang melebihi RM1,000.00 sehingga RM20,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Ribu Sahaja) hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Tadbir Kelab. Bagi perbelanjaan melebihi RM20,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Ribu Sahaja) pada suatu masa hendaklah mendapat kelulusan mesyuarat agung terlebih dahulu.

5.2.2 Pengeluaran Resi

5.2.2.1 Resit-Resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada ahli apabila mereka menjelaskan bayaran pendaftaran menjadi ahli atau yuran bulanan atau apabila derma diterima dari mana-mana pihak.

5.2.2.2 Resit-resit rasmi bagi maksud seperti di para 5.2.2.1 di atas hendaklah dikeluarkan kepada ahli dalam tempoh tujuh hari dari tempoh penyerahan wang.

5.2.2.3 Ahli-Ahli yang tidak menerima resit rasmi mereka selepas tujuh hari dari tarikh penyerahan wang bolehlah membuat pengaduan kepada Bendahari.

6. MESYUARAT KELAB

6.1 Mesyuarat Kelab ini adalah seperti berikut :-

- 6.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir
- 6.1.2 Mesyuarat Agung Tahunan
- 6.1.3 Mesyuarat Agung Luar Biasa

6.2 Syarat dan tatacara mesyuarat adalah seperti berikut :-

6.2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir

6.2.1.1 Pemilihan Ahli Jawatankuasa Tadbir di adakan 2 tahun sekali kecuali Pengerusi. Jawatan Setiausaha dan Bendahari akan dilantik sendiri oleh Pengerusi. Ahli Jawatankuasa yang dipilih semasa Mesyuarat Agung adalah seperti berikut :-

- i) Seorang Timbalan Pengerusi
- ii) Seorang Naib Pengerusi I
- iii) Seorang Naib Pengerusi II
- iv) Enam (6) Orang Ahli Jawatankuasa Tadbir

6.2.1.2 Pengumuman esyuarat Tahunan bersama salinan Penyata kira-kira Tahunan yang diaudit hendaklah dihantar kepada semua ahli sekurang-kurang 15 (Lima Belas) dari sebelum tarikh mesyuarat diadakan.

6.2.2 Mesyuarat Agung Tahunan

6.2.2.1 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah di adakan tiap-tiap tahun pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tabdir tetapi tidak lewat daripada bulan April. Sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli-ahli Jawatankuasa ikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam mesyuarat dan mencukupi kuorum untuk mesyuarat. Jika kuorum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasa mengubah undang-undang kelab dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli. Sekurang-kurangnya notis selama 15 (Lima Belas) hari perlu diberi kepada semua ahli oleh setiausaha.

6.2.3 Mesyuarat Agung Luar Biasa

6.2.3.1 Mesyuarat Agung Luar Biasa boleh di adakan dalam keadaan berikut :-

- a) Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Tadbir; atau
- b) Atas permintaan ramai-ramai secara bertulis oleh tidak kurang satu perempat dari jumlah ahli biasa, dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebab mengadakan.

- 6.2.3.2 Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah di adakan pada satu tarikh dalam masa 30 (Tiga Puluh) hari penerimaan mengadakan mesyuarat.
- 6.2.3.3 Pengumuman dan Agenda Mesyuarat Agung Luar Biasa itu hendaklah diedarkan kepada semua ahli oleh setiausaha sekurang-kurangnya 15 (Lima Belas) hari sebelum sesuatu tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- 6.2.3.4 Kaedah kuorum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa, tetapi dengan syarat jika kuorum tidak mencukupi selepas setengah jam (Tiga Puluh Minit) dari waktu yang telah ditetapkan bagi mesyuarat Agung Luar Biasa atas permintaan ahli-ahli, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan, dan sekurang-kurangnya 6 (Enam) bulan dari tarikh ini Mesyuarat Agung Luar Biasa atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidak boleh diadakan.
- 6.2.3.5 Punca Kewangan Kelab ini adalah dari punca-punca seperti berikut :-
- d) Bayaran pendaftaran menjadi ahli;
 - e) Yuran bulanan menjadi ahli;
 - f) Derma yang sah dari segi undang-undang dari mana-mana pihak sama ada persendirian ataupun badan tertentu dengan kebenaran pihak-pihak berkuasa berkenaan.
- 6.2.3.6 Semua yang diterima dari punca-punca seperti 5.2.1.1 diatas hendaklah disimpan di dalam bank di atas nama kelab selewat-lewatnya tujuh hari selepas wang tersebut diterima. Semua wang kelab hendaklah digunakan untuk melanjutkan objektif kelab tetapi tidak boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di Mahkamah.
- 6.2.3.7 Tahun Kewangan kelab ini bermula dari 1 Januari dan berakhir 31 Disember tahun yang sama.
- 6.2.3.8 Pengeluaran wang hendaklah di buat dan ditandatangani oleh Pengerusi atau Setiausaha dan Bendahari.
- 6.2.3.9 Semua Perbelanjaan tidak melebihi RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja) boleh diluluskan oleh Pengerusi Kelab. Bagi perbelanjaan yang melebihi RM1,000.00 sehingga RM20,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Ribu Sahaja) hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Tadbir Kelab. Bagi perbelanjaan melebihi RM20,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Ribu Sahaja) pada suatu masa hendaklah mendapat kelulusan mesyuarat agung terlebih dahulu.

7. TATATERTIB KELAB

- 7.1 Semua ahli adalah dikehendaki :-
 - 7.1.1 Menjaga dan menghormati nama baik kelab dan tata tertib kelab
 - 7.1.2 Menjelaskan yuran bulanan pada tarikh seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tadbir.
- 7.2 Ahli Kelab dan kelab ini adalah ditegah dari menjalankan atau melakukan perkara-perkara seperti berikut :-
 - 7.2.1 Menghisap sebarang jenis dadah di dalam rumah kelab.
 - 7.2.2 Membawa masuk perempuan-perempuan lucah dan orang-orang jahat ke dalam rumah kelab.
 - 7.2.3 Mengadakan kegiatan yang berunsurkan lucah, ganas, memeras dan sebagainya yang menyalahi undang-undang Negara.
 - 7.2.4 Kelab atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan dalam gerakan Kesatuan Sekerja seperti yang diterangkan di dalam Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959.
 - 7.2.5 Kelab ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama kelab atau pegawai-pegawainya atau Jawatankuasa tadbir atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
 - 7.2.6 Faedah-faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966 tidak boleh diberi oleh Kelab mana-mana ahli.

8. PEMBUBARAN KELAB

- 8.1 Persatuan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dipersetujui oleh dua pertiga dari jumlah semua ahli biasa melalui ikrar mereka sendiri di dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa.
- 8.2 Kenyataan Pembubaran kelab ini hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (Pengerusi) dan semua ahli dalam Jawatankuasa Tadbir dan dikehendaki mengemukakan kepada pihak Pendaftar pertubuhan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh Kelab dibubarkan.

9. PELBAGAI

9.1 Kuasa Pembuat Undang-Undang Kelab

9.1.1 Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 28 (dua puluh lapan) hari dari tarikh keputusan hendak membuat perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dijalankan kuat kuasanya mulai dari tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu diluluskan Pendaftar Pertubuhan.

9.2 Pengerusi

9.2.1 Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Malaysia akan dijemput menjadi Pengerusi Kelab. Seandainya beliau tidak bersetuju atau tidak dapat menjadi Pengerusi Kelab maka Mesyuarat Agung tahunan boleh melantik seseorang ahli biasa menjadi Pengerusi menurut cara yang ditetapkan dalam perkara 5.1.1.1.1 (ii).

9.3 Penaung

9.3.1 Yang Berhormat Menteri Undang-Undang Malaysia boleh dijemput menjadi penaung kelab ini.

9.4 Pengauditan

9.4.1 Dua orang pemeriksa kira-kira hendaklah dipilih melalui Mesyuarat Agung Tahunan bagi menyemak dan memeriksa kira-kira kewangan kelab dan hal-hal yang berkenaan.

10. LOGO KELAB

10.1 Logo yang dipilih adalah berbentuk payung atau bumbung membawa makna member perlindungan dan mengambil berat kebajikan bagi ahli-ahli kelab. Gabungan tiga (3) warna menunjukkan tiga (3) bangsa terbesar iaitu Melayu, Cina dan India.